

KEBERKESANAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MEMBUAT ULASAN
NILAI MURNI DENGAN MENGGUNAKAN PENGURUSAN GRAFIK

SITI FATIMAH BINTI ZAINOL

126886

PERPUSTAKAAN UPSI	
Nombor Perolehan	7 8636
Tarikh Perolehan	10/9/12
Punca	Dunbarjan
Harga	RM 200.00
Bilangan Naskah	1
Nombor Panggilan	

PROJEK SARJANA DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN SYARAT
UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN BAHASA MELAYU

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2011

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

4 April 2011

SITI FATIMAH BINTI ZAINOL
M20091000184

PENGHARGAAN

Syukur kehadiran Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya yang memberikan kekuatan dan kesihatan kepada penulis dalam mengusahakan penulisan disertasi ini. Pada kesempatan ini, penulis merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang memberikan bantuan, kerjasama dan motivasi yang tidak ternilai selama ini.

Pertamanya, penulis merakamkan sekalung penghargaan yang tidak terhingga kepada En Rozali bin Ayob, selaku penyelia penulisan disertasi ini yang sentiasa sabar dalam usaha memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada penulis sehingga penulisan ini berjaya diselesaikan. Terima kasih terhadap teguran dan nasihat yang diberikan selama ini. Dorongan ini amat bermakna untuk penulis menyelesaikan disertasi ini. Semoga Allah SWT sentiasa merahmati dan memberi kekuatan kepada beliau.

Ucapan terima kasih ini juga penulis tujukan kepada Profesor Emeritus Dr. Abdullah Hassan, Profesor Emeritus Dr. Zain, Profesor Dr. Hj Abdul Hamid Mahmood, Dr. Seri Lanang Jaya, Dr. Idris bin Mohd Radzi, Dr Adenan b. Ayob, Dr. Abdul Rahman dan para pensyarah Jabatan Bahasa dan Komunikasi Universiti Pendidikan Sultan Idris yang begitu ikhlas membimbing dan mencurahkan ilmu yang dimiliki.

Untuk suami tercinta, pengorbanan yang dicurahkan selama ini tidak ternilai harganya buat diri ini. Buat bonda tercinta, terima kasih terhadap dorongan menguatkan semangat kepada penulis untuk berjaya. Untuk anakanda-anakanda tersayang, kasih sayang dan pengertian kalian amat besar maknanya mengiringi perjalanan ke puncak menara gading.

Akhirnya, kepada rakan seperjuangan, semoga persaudaraan yang terjalin erat ini abadi dalam lipatan kenangan untuk selamanya. Terima kasih terhadap pengorbanan dan budi kalian yang dicurahkan selama ini.

Sekian dan terima kasih.

SITI FATIMAH BINTI ZAINOL
Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
Tanjong Malim, Perak.
4 April 2011

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji keberkesanan aplikasi alat berfikir Pengurusan Grafik dalam meningkatkan kemahiran membuat ulasan nilai-nilai murni secara kritis dalam kalangan murid Tahun 5. Kajian ini menggunakan reka bentuk Praujian Pascaujian Satu Kumpulan. Responden kajian terdiri daripada 30 orang murid Tahun 5 di sebuah sekolah rendah di daerah Perak Tengah, Perak. Instrumen yang telah digunakan dalam kajian ini ialah dua set soalan Kertas Bahasa Melayu Ujian Penulisan 012/1, Bahagian C yang memerlukan murid menuliskan lima nilai murni berdasarkan petikan yang diberi dan panjang setiap jawapan tidak lebih daripada 50 patah perkataan. Murid dikehendaki menulis jawapan mereka dalam satu perenggan. Murid didedahkan dengan pengajaran membuat ulasan nilai-nilai murni dengan menggunakan alat berfikir Pengurusan Grafik. Kajian dijalankan selama empat minggu iaitu dua kali seminggu bagi setiap waktu pengajaran Bahasa Melayu. Semua murid ditadbirkan praujian dan pascaujian bagi membandingkan prestasi kemahiran membuat ulasan nilai-nilai murni. Data dianalisis menggunakan peratusan untuk mengukur sama ada wujud perbezaan. Dapatan kajian mendapati bahawa aplikasi alat berfikir Pengurusan Grafik telah memperlihatkan peningkatan pencapaian murid dalam Bahagian C. Justeru, aplikasi alat berfikir Pengurusan Grafik memang sesuai digunakan sebagai satu kaedah untuk meningkatkan kemahiran murid membuat ulasan nilai-nilai murni secara kritis.



KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL/GRAF	vi
SENARAI SINGKATAN/ISTILAH	vii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Permasalahan Kajian	3
1.3.1	Alat Berfikir	7
a)	Peta Minda	8
b)	CoRT 1	9
c)	Soalan dan Penyoalan	10
d)	Pengurusan Grafik	12
1.4	Objektif Kajian	13
1.5	Persoalan Kajian	14
1.6	Kepentingan Kajian	15
1.7	Batasan Kajian	15
1.8	Definisi Operasional	16
1.8.1	Kertas Bahasa Melayu 012, Bahagian C	16
1.8.2	Alat Berfikir	16
1.8.3	Pengurusan Lisan	16
1.8.4	Pengurusan Grafik	17
1.8.5	Pemikiran Kritis	17
1.9	Rumusan	17

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Falsafah Nilai dalam Pendidikan	18
2.2	Falsafah Pembelajaran Nilai	21
2.3	Aplikasi Teori Pengajaran dan Pembelajaran Nilai dalam Kurikulum	24
2.3.1	Aplikasi Teori Kohlberg	24
2.3.2	Aplikasi Teori Harvey, Hunt, dan Schroder	25

2.3.3	Aplikasi Teori Erikson	27
2.3.4	Aplikasi Teori Freud dan Teori Piaget	28
2.4	Kaedah Pengajaran Nilai	30
2.5	Teknik Mengajar Nilai	32
2.6	Pemikiran Kritis	37
2.7	Kegunaan Pengurusan Grafik kepada Pelajar	39
2.8	Kerangka Kanseptual	42
2.9	Rumusan	43

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	44
3.2	Reka Bentuk Kajian	45
3.3	Responden Kajian	47
3.4	Batasan Kajian	48
3.5	Instrumen Kajian	49
3.6	Prosedur Kajian	49
	3.6.1 Rawatan	50
3.7	Rumusan	55

BAB 4 ANALISIS DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	56
4.2	Skor Pemarkahan	56
4.3	Nilai dan Huraian/ Idea Cadangan	59
	4.3.1 Penggunaan Borang Pengurusan Grafik (BPG)	60
4.4	Dapatan Kajian	61
	4.3.1 Persoalan Kajian 1	62
	4.3.2 Persoalan Kajian 2	63
4.5	Rumusan	65

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	69
5.2	Keputusan Kajian	69
	5.2.1 Dapatan Kajian 1	70
	5.2.2 Dapatan Kajian 2	72
5.3	Cadangan Kajian Lanjut	73
5.4	Kesimpulan	75

SENARAI RUJUKAN

LAMPIRAN

- A Jawapan Calon Terlalu Panjang
- B Calon Tidak Mencari Nilai
- C Menulis Semula Cerita
- D Menyalin Keseluruhan
- E Set Soalan Praujian
- F Set Soalan Pascaujian

SENARAI JADUAL

Nombor Jadual	Muka surat
2.1 Dua Suasana Pembelajaran Nilai	25
2.2 Perkembangan Pemikiran Moral dan Perkembangan Kekuatan Ego	27
4.1 Pencapaian Murid dalam Praujian dan Pascaujian	59
4.2 Pencapaian Murid Perempuan dalam Praujian dan Pascaujian	60
4.3 Pencapaian Murid Lelaki dalam Praujian dan Pascaujian	62
4.4 Perbezaan Peraturan Pencapaian Murid Lelaki dan Murid Perempuan dalam Praujian dan Pascaujian	63



SENARAI GRAF

Nombor Graf	Muka surat
4.1 Pencapaian Murid dalam Praujian dan Pascaujian	60
4.2 Peratus Pencapaian Murid Perempuan dalam Praujian dan Pascaujian	61
4.3 Peratus Pencapaian Murid Lelaki dalam Praujian dan Pascaujian	63
4.4 Perbezaan Peratus Pencapaian Murid Lelaki dan Murid Perempuan dalam Praujian	64
4.5 Perbezaan Peratus Pencapaian Murid Lelaki dan Murid Perempuan dalam Pascaujian	64

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dunia ketamadunan hidup manusia menempuh perubahan alaf ketiga yang menekankan kepentingan idea dan pemikiran baru, teknologi maklumat, ledakan ilmu pengetahuan saintifik, percaturan order baru dunia, ideologi dan revolusi sosial yang menuju kepada nilai demokrasi. Kesemuanya ini memberi kesan yang cukup luas dan mencabar kepada kehidupan dan membantu nilai hidup masyarakat.

Rombakan nilai akan berlaku selaras dengan konsep dunia tanpa sempadan (*borderless world*) dan pengaruh globalisasi akan menjadi semakin kuat sehingga membawa tuntutan perubahan dan kehancuran nilai-nilai masyarakat membangun. Alvin Toffler (1996, dlm. Abd Rahim Abd Rashid, 2001) dalam bukunya yang berjudul *New Shift* menggambarkan keadaan perubahan sistem dunia yang secara globalnya akan memberi kesan kepada perubahan sistem nilai masyarakat dunia keseluruhannya.

Nilai bersifat subjektif kerana nilai berubah-ubah mengikut keadaan dan pemikiran seseorang. Selain pemikiran, nilai juga dipengaruhi perkembangan kematangan emosi

dan sentimen seseorang terhadap sesuatu perkara atau hal yang berkaitan dengan kehidupan mereka. Matlamat unggul pembelajaran nilai seperti meningkatkan kesedaran dan penghayatan sesuatu nilai tidak mungkin dapat dicapai dengan berkesan jika kemahiran berfikir tidak ditekankan dalam semua aktiviti pembelajaran yang dirangka.

Aspek kognitif dan metakognitif perlu dikembangkan bagi membolehkan pemikiran manusia menerokai, menguasai, mensintesis, dan mengkonseptualisasikan nilai-nilai yang bersifat abstrak, khususnya nilai-nilai yang berkaitan dengan konsep, idealisme dan gagasan pemikiran aras tinggi. Pembelajaran nilai yang mementingkan kemahiran berfikir sangat penting untuk mengembangkan aspek afektif murid-murid.

1.2 Latar Belakang Kajian

Selaras dengan perkembangan masyarakat dunia, masyarakat Malaysia juga mengalami proses perkembangan yang pesat dan mencabar. Oleh itu, sistem pendidikan negara terpaksa menerima cabaran ini kerana sering kali proses perkembangan sesuatu masyarakat dikaitkan secara langsung dengan sistem pendidikannya. Laporan Jawatankuasa Kabinet telah meneliti dan mengkaji seluruh sistem pendidikan daripada peringkat rendah sehinggalah ke peringkat maktab, meliputi aspek kurikulum, disiplin, pengurusan dan kemudahan serta pembekalan pelajaran. Berkenaan disiplin, Jawatankuasa Kabinet sangat prihatin pada kemerosotan disiplin yang berlaku di sekolah-sekolah (Abdullah Sani Yahaya, 2003:51).

Kebimbangan serta keprihatinan kerajaan dan rakyat mempunyai bukti-bukti yang kukuh. Sepatutnya perkembangan serta kemajuan di bidang pendidikan, di samping membawa kemajuan ekonomi serta pembangunan negara, akan turut melahirkan warganegara yang baik, bersatu padu, berdisiplin dan terlatih. Malangnya, walaupun negara sudah berjaya menghasilkan ramai rakyat yang celik huruf tetapi terdapat beberapa aspek lain yang perlu diberi penekanan dan penegasan semula supaya mereka juga celik budaya, celik akhlak, amanah dan memahami tujuan hidup serta tanggungjawab yang mesti dilaksanakan.

Justeru, dalam konteks pendidikan yang luas, matlamat pendidikan bukan sahaja diorientasikan kepada masyarakat tetapi juga dituju ke arah pembinaan tradisi keilmuan, mencari kebenaran, keadilan dan kebersihan dalam masyarakat. Inilah nilai-nilai hidup yang harus dibina menerusi pendidikan.

1.3 Permasalahan Kajian

Selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996, Bahasa Melayu menjadi mata pelajaran teras di semua sekolah rendah dan menengah. Kurikulum Bahasa Melayu digubal dengan tujuan untuk memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi, rohani, dan jasmani. Kurikulum Bahasa Melayu menyediakan murid untuk menguasai kecekapan berbahasa dan berkomunikasi dan dapat menggunakan tatabahasa secara betul dan tepat. Selain itu, murid mampu mengungkapkan ilmu pengetahuan daripada mata pelajaran yang lain

di samping mengembangkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif (Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah Bahasa Melayu, 2003).

Abdul Rafie bin Mahat dalam pengantar Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah Bahasa Melayu (2003), menegaskan bahawa kurikulum persekolahan kebangsaan mendukung hasrat mulia negara bagi menyediakan pendidikan bertaraf dunia kepada generasi masa kini dan akan datang. Antara tujuan utama penyemakan kurikulum adalah untuk menyepadukan elemen terkini dalam pendidikan, memenuhi semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dan menyediakan murid untuk menghadapi cabaran pendidikan pada abad ke-21.

Berdasarkan hasrat tersebut, kurikulum yang disemak semula pada tahun 2003 telah memberikan penekanan kepada nilai murni dan semangat patriotik bagi menyedarkan murid akan peranan dan tanggungjawab mereka sebagai warganegara maju dan masyarakat berilmu. Murid dididik untuk berfikir, berilmu pengetahuan luas, beretika tinggi, bijaksana, serta dapat menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi secara berkesan. Diharapkan dengan penekanan terhadap nilai murni dan semangat patriotik dalam kurikulum terbaharu ini dapat melahirkan murid yang berkeyakinan dan tabah mengatasi segala rintangan dan cabaran dalam kehidupan.

Sehubungan dengan penyemakan semula kurikulum pada tahun 2003 yang memberikan penekanan kepada nilai murni, Kementerian Pelajaran Malaysia seterusnya telah mengubah format kertas Bahasa Melayu Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) mulai tahun 2005. Langkah ini merupakan satu permulaan ke arah memperkenalkan dan memasukkan elemen nilai murni dalam pengujian peperiksaan

UPSR. Langkah ini secara tidak langsung memerlukan guru-guru melatih murid-murid bersifat kritikal supaya mereka boleh mengkritik, menilai, berhujah, dan dapat mempengaruhi sesuatu keputusan yang perlu dan telah dibuat.

Kertas Bahasa Melayu Ujian Penulisan 012/1 mempunyai tiga bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C yang memperuntukkan masa selama 1 jam 15 minit untuk menjawabnya. Markah keseluruhan ialah 60 markah dengan pecahan untuk Bahagian A sebanyak 10 markah, Bahagian B sebanyak 30 markah dan Bahagian C sebanyak 20 markah. Ciri-ciri penulisan dalam Kertas Bahasa Melayu Ujian Penulisan 012/1 ini terbahagi kepada dua jenis respon iaitu respon terhad dan respon terbuka.

Respon terhad bermaksud jawapan yang diberi oleh calon mestilah berdasarkan bahan rangsangan dan terkawal dengan bahan rangsangan tersebut. Respon terhad merujuk kepada Bahagian A dan Bahagian C. Manakala dalam respon terbuka pula, murid dibenarkan menulis apa jua idea berdasarkan pemahaman calon. Respon terbuka merujuk kepada Bahagian B.

Bahagian C mengandungi satu soalan dan murid mesti menjawab soalan bahagian ini dengan membuat ulasan. Markah yang diperuntukkan dalam Bahagian C ialah 20 markah dan murid perlu menjawab bahagian ini dalam masa 20 minit. Ulasan yang dibuat mestilah berdasarkan bahan rangsangan yang diberi iaitu petikan. Antara jenis petikan yang diuji ialah cerita, dialog, rencana, pantun, sajak, berita, laporan, surat dan catatan. Ulasan yang ditulis mestilah dalam satu perenggan dan panjang ulasan mestilah tidak melebihi 50 patah perkataan.

Berdasarkan Kupasan Mutu Jawapan (KMJ) UPSR 2007, Prestasi Terperinci Bahagian C yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia, beberapa dapatan tentang kelemahan jawapan calon telah dikenalpasti. Antaranya, jawapan calon terlalu panjang dan ini tidak mematuhi arahan soalan. Huraian setiap isi juga panjang apabila calon bertindak memasukkan contoh-contoh ayat yang terdapat dalam petikan. Bilangan perkataan melebihi 100 patah perkataan (Rujuk Lampiran A).

Selain itu, calon juga didapati menyalin semula soalan dengan mengubah suai atau menambah beberapa perkataan. Calon tidak mencari nilai daripada petikan (Lampiran B). Ada sebilangan calon yang menulis nilai tetapi nilai yang ditulis itu tidak berkaitan dengan soalan. Maksudnya, nilai yang ditulis itu tidak terdapat dalam petikan. Contohnya, calon memasukkan nilai berusaha dan bersyukur dalam jawapan sedangkan nilai tersebut tiada kaitan dengan petikan yang disediakan. Terdapat juga calon yang mengolah semula jawapan dalam bentuk cerita. Calon seolah-olah menulis semula cerita yang pernah dibaca bukannya menulis nilai daripada bahan yang diberikan (Rujuk Lampiran C).

Terdapat juga calon yang menyenaraikan nilai secara ringkas tanpa menulis isi yang diberi dalam bentuk ayat sebaliknya menulis dalam bentuk perkataan (nilai) itu satu persatu. Contohnya nilai seperti *Amanah*, *Ikhlas* dan *Jujur* tidak dihuraikan dalam ulasan dalam bentuk ayat tetapi ditulis perkataan tersebut semata-mata. Ada juga yang menyalin petikan dengan menggaris ayat yang ada nilai. Calon-calon sebegini telah menyalin keseluruhan cerita. Mereka bertindak menggariskan perkataan, frasa, atau ayat-ayat yang mempunyai nilai tanpa memetik nilai yang sepatutnya dan menulis semula mengikut arahan soalan (Rujuk Lampiran D).

Ternyata kelemahan-kelemahan yang wujud sebagaimana dapatan KMJ UPSR 2007 tersebut, juga dapat dikesan apabila pengkaji menyemak jawapan murid selepas praujian dijalankan. Berdasarkan kelemahan-kelemahan tersebut, ternyata bahawa sesuatu perlu dilakukan untuk menajamkan pemikiran kritis individu sebagaimana yang dicadangkan oleh pihak LPM.

Pemikiran kritis merupakan satu domain pemikiran yang lebih menekankan penggunaan hemisfera otak kiri (HOKI). Pemikiran kritis adalah asas kecemerlangan dan amat penting pada zaman yang penuh persaingan sains dan teknologi ini (Som Hj. Nor, 1998:51). Pemikiran kritis dapat membantu meningkatkan kefahaman, kejelasan dan keupayaan kita menggunakan maklumat dengan berkesan di samping membuat pertimbangan yang rasional. Pelbagai teknik, alat, dan strategi melalui latihan-latihan boleh digunakan untuk menggalakkan pemikiran kritis. Justeru, latihan-latihan yang mencakupi kemahiran kritis adalah penting. Latihan ini perlu dilaksanakan dengan menggunakan alat-alat berfikir.

1.3.1 Alat Berfikir

Alat berfikir merupakan suatu instrumen yang dapat membantu kita menggunakan minda dengan lebih sistematik dan berkesan. Dengan menggunakan alat berfikir ini, idea-idea yang disampaikan akan menjadi lebih tersusun, jelas dan mudah difahami. Terdapat empat alat kemahiran berfikir iaitu:

- Peta minda
- CoRT 1
- Soalan dan penyoalan
- Pengurusan grafik

a) **Peta Minda**

Peta minda ialah lakaran grafik pemikiran individu. Ia menjadikan sesuatu yang tersirat kepada yang tersurat. Peta minda membolehkan kita merangka, mencatat nota, merekod maklumat atau peristiwa, merancang aktiviti, membuat sesuatu persembahan dan sebagainya. Tony Buzan (terj.2002) menyatakan:

“dalam sistem membuat catatan ini, anda mengguna kertas kosong tanpa garis serta menggunakan Gambar Kunci Ingatan (otak bahagian kanan) yang merupakan tema pokok dari catatan yang anda buat. Dari gambar pokok ini, anda memiliki serangkaian garisan yang saling berhubung (cortex bahagian kiri atau menggambarkan (cortex bahagian kanan) Kata Kunci Gambar atau aktual yang ingin anda catat. Garis-garis tersebut berhubung dengan garis-garis lainnya di mana sekali lagi anda menempatkan Kata Kunci Gambar atau gambar kuncinya. Dengan cara ini, anda bererti membentuk Catatan Peta Pikiran (Peta Minda) yang multidimensional, asosiasi, imaginatif dan penuh warna dari segala sesuatu yang ingin anda catat”

Tony Buzan (terj.2002:167)

Bentuk peta minda berbagai-bagai bergantung pada kreativiti guru. Perkara yang paling penting diberi pertimbangan ialah mudah, menarik dan bermakna kepada pelajar Penggunaan peta minda dapat membantu pelajar melahirkan pendapat dan idea yang kritis dan kreatif dan membantu pelajar berfikir secara tersusun.

b) CoRT 1

CoRT 1 adalah singkatan bagi perkataan '*Cognitive Research Trust*'. Teknik ini menggalakkan pelajar-pelajar berfikir secara meluas. CoRT 1 terdiri daripada tujuh teknik asas dan tiga teknik paduan iaitu PMI, CAF, C&S, AGO, FIP, APC dan OPV. Teknik PMI (baik, buruk dan menarik) membantu pelajar membuat pertimbangan sebelum membuat sesuatu keputusan. Teknik CAF (ambil kira semua faktor) bermaksud individu itu akan mengambil kira semua faktor sebelum membuat keputusan. Teknik CAF meminta pelajar mengkaji dan menyenaraikan segala permasalahan yang berkaitan sebelum membuat keputusan.

Dengan menggunakan teknik C&S (kesan dan akibat) pula, pelajar akan dapat menjangka apa yang akan berlaku selepas sesuatu cadangan itu dilaksanakan. Teknik ini juga melatih pelajar meramal kesan dan akibat yang akan berlaku selepas sesuatu keputusan dibuat. Teknik AGO (tujuan, matlamat, dan objektif) melatih pelajar supaya sentiasa menumpukan perhatian terhadap tujuan asala sesuatu pelaksanaan supaya tidak tersasar daripada matlamat asal. Teknik ini juga melatih pelajar mengelak perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan tujuan asal.

FIP (Utama Penting Prioriti) merupakan teknik melatih pelajar memberikan keutamaan mengikut kepentingan sesuatu perkara itu. FIP mendidik pelajar

menyelesaikan masalah mengikut kronologi iaitu dari perkara yang utama kepada perkara sampingan. Dengan FIP, sesuatu perkara yang diuruskan itu menjadi lebih teratur. APC (Alternatif, Kemungkinan dan Pilihan) memberi peluang kepada pelajar memikirkan alternatif yang perlu sekiranya berlaku sesuatu di luar dugaan. Pelajar juga akan lebih bersedia dengan kemungkinan-kemungkinan dan pilihan yang lain. Teknik OPV (Ambil Kira Semua Pandangan Orang) membolehkan pelajar menghormati pandangan orang lain sebelum sesuatu keputusan itu dibuat (Edward d.Bono, 2000:104).

c) Soalan dan Penyoalan

Soalan-soalan yang dikemukakan dapat membantu kita berfikir secara mendalam dan meluas. Sebagai guru, pengetahuan mengenai soalan dan penyoalan akan membolehkan pelajar membentuk soalan, mengemukakan soalan dan menggunakan soalan dengan berkesan dalam situasi pengajaran dan pembelajaran.

“soalan adalah cara mengarahkan perhatian, tetapi siapa yang memberitahu anda ke mana perlu mengarahkan soalan itu? Cara berfikir CoRT menyediakan kerangka untuk mengarahkan perhatian. Kaedah CoRT juga membuatkan pelajar atau pemikir mengarahkan perhatian mereka sendiri dan bukannya menunggu guru bertanyakan soalan yang sesuai”

(Edward de Bono, 2000:104)

Bagi menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, teknik soalan dan penyoalan perlulah diberi perhatian supaya percambahan idea pelajar dapat dihasilkan. Walau bagaimanapun, soalan-soalan yang digunakan perlulah menjurus kepada penjaan pemikiran yang kritis dan kreatif. Soalan-soalan yang dikemukakan perlulah soalan yang meluas dan bukan soalan bertumpu.

Tujuan soalan dan penyoalan ialah bagi memperkembang proses berfikir secara kritis dan kreatif, mengumpul dan menganalisis maklumat dan meningkatkan metakognitif. Selain itu, soalan dan penyoalan juga adalah bertujuan untuk merangsangkan penglibatan aktif pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran. Dengan menggunakan teknik soalan dan penyoalan juga, pertimbangan idea-idea baru dan penggunaan idea-idea yang sedia ada dapat digalakkan.

“Kemahiran lain yang perlu diambil kira ialah soalan dan penyoalan. Tujuannya ialah bagi membantu kerja menganalisis supaya berjalan dengan teratur dan mengikut proses. Dengan menggunakan kemahiran analisis dan teknik penyoalan bertumpu (convergen) fakta-fakta atau maklumat dapat disaring mengikut peringkatnya. Dari situ pelajar mampu meneliti sesuatu masalah secara analitis dan menyeluruh.”

(Monograf Bahasa, Sastera, dan Budaya Melayu,

2000:Bil.3:177)

Teknik soalan dan penyoalan yang digunakan memerlukan perancangan awal yang rapi. Soalan-soalan yang dikemukakan hendaklah mengikut aras soalan mengikut


Taksanomi Blooms. Mengikut Taksanomi Blooms, aras soalan terbahagi kepada dua iaitu aras rendah yang bermula dari tingkat pengetahuan, kefahaman, dan aplikasi; manakala aras tinggi pula bermula dari analisis, sintesis dan penilaian.

d) **Pengurusan Grafik**

Pengurusan Grafik merupakan pemetaan atau pola penyusunan yang mewakili perhubungan antara maklumat-maklumat tentang sesuatu idea. Pengurusan Grafik bermaksud ilustrasi bergambar/grafik yang mewakili sesuatu pernyataan. Mengikut Som dan Mohd. Dahalan (1998), Pengurusan Grafik ialah satu bentuk ilustrasi atau lakaran yang digunakan sama ada untuk merancang, mengurus, meneliti, menganalisis atau menghasilkan sesuatu idea atau pemikiran dengan lebih sistematik, jelas, dan berkesan.

Morgan & Saxton (2006) menyatakan bahawa untuk menggalakkan pelajar berfikir dengan sistematik, guru perlu merancang soalan-soalan yang boleh merangsang pemikiran pelajar dengan menggunakan teknik-teknik penyoalan yang sesuai untuk mencungkil idea dan membentuk pemahaman pelajar sendiri. Di samping itu, guru juga perlu memberi panduan untuk menterjemahkan pemahaman mereka dalam bentuk visual yang mudah difahami sebelum, semasa dan selepas menjalankan pengajaran dan pembelajaran. Dalam hal ini, pengurusan grafik (*graphic organizer*) merupakan salah satu alat berfikir yang memainkan peranan penting dalam membolehkan pelajar mengatur maklumat dan melihat pemikiran mereka sendiri (Gregory & Chapman, 2007).

Sesuai dengan fungsi utama Pengurusan Grafik iaitu membantu mengurus cara berfikir yang lebih tersusun, maka Pengurusan Grafik yang baik perlu mempunyai beberapa ciri seperti mudah difahami, dapat mengatasi masalah fikiran yang berkecamuk, sempit, kabur dan terburu-buru, dapat membantu menyusun jalan pemikiran atau cara berfikir, menarik dan dapat memberikan gambaran dan kefahaman secara menyeluruh terhadap sesuatu. Rajah di bawah menunjukkan fungsi pengurusan grafik dalam menguruskan pemikiran:



Rajah 5:
Fungsi Pengurusan Grafik

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- 1.4.1 Mengenal pasti pencapaian murid dalam membuat ulasan lima nilai murni berdasarkan petikan yang diberi dalam praujian.

1.4.2 Mengenal pasti pencapaian murid dalam membuat ulasan lima nilai murni berdasarkan petikan yang diberi dalam pascaujian.

1.4.3 Mengenal pasti sama ada wujud perbezaan pencapaian murid dalam membuat ulasan lima nilai murni berdasarkan petikan yang diberi dalam praujian dan pascaujian.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian adalah seperti berikut:

1.5.1 Sejauh manakah tahap pencapaian murid dalam membuat ulasan lima nilai murni berdasarkan petikan yang diberi dalam praujian?

1.5.2 Sejauh manakah tahap pencapaian murid dalam membuat ulasan lima nilai murni berdasarkan petikan yang diberi dalam pascaujian?

1.5.3 Adakah terdapat perbezaan dalam peratusan pencapaian murid dalam membuat ulasan lima nilai murni berdasarkan petikan yang diberi dalam praujian dan pascaujian?